

Logo
Nama sekolah

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2008**

EKONOMI ASAS

KERTAS 1

1 JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **SEMUA** soalan.
3. Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.

Kertas ini mengandungi 5 halaman bercetak


- 1 Di antara kenyataan-kenyataan berikut, yang manakah berkaitan dengan ilmu ekonomi?
- I Kajian tentang bagaimana kerajaan hendak memaksimumkan kepuasan.
 - II Suatu usaha unit-unit ekonomi untuk menggunakan sumber yang terhad.
 - III Kegiatan manusia untuk memenuhi kehendak-kehendak yang tidak terhad.
 - IV Kegiatan pengeluaran barang-barang awam.
- A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV
- 2 Kenyataan yang menerangkan maksud kos lepas dengan tepat ialah...
- A kos pengeluaran bagi pengeluaran yang lepas.
B kos pengeluaran yang akan ditanggung oleh seseorang dalam pengeluaran.
C jumlah perbelanjaan yang terpaksa dikorbankan untuk memperoleh sesuatu barang.
D kos barang pengganti terbaik yang terpaksa dikorbankan untuk memperoleh sesuatu barang.
- 3 Kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar ekonomi untuk kesejahteraan rakyat. Namun begitu mengapakah masalah kekurangan masih lagi wujud?
- A Masih terdapat golongan berpendapatan rendah
B Wujudnya ketidakseimbangan pembangunan bandar dan desa
C berlakunya bencana alam seperti banjir, kemarau dan tanah runtuh
D Terdapat ketidakseimbangan antara kehendak masyarakat dengan sumber ekonomi



Gambar 1

- 4 Perbualan di antara dua remaja dalam gambar 1 di atas merujuk sistem ekonomi yang diamalkan oleh sistem ekonomi negara apa?

A Arab Saudi
B China
C Malaysia
D United Kindom



Gambar 2

- 5 Apakah jenis barang yang ditunjukkan oleh Gambar 2 di atas?
- A Barang awam
B Barang ekonomi
C Barang percuma
D Barang pengganti
- 6 Di antara berikut, yang manakah dapat menyelesaikan masalah asas ekonomi dalam sistem ekonomi campuran?
- I Mekanisme harga.
II Keputusan kerajaan.
III Keputusan pengeluar.
IV Corak perbelanjaan pengguna.
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 7 Encik Fauzan membuat kajian tentang pendapatan isi rumah di kampungnya. Hasil kajian tersebut adalah seperti dalam jadual 1 di bawah.

Peratus	Pekerjaan
35%	Kakitangan kerajaan
25%	Mengusaha tanah sendiri
15%	Bekerja di kilang papan.
10%	Berniaga
10%	Pesara
5%	Jurujual

Berapa peratuskah dari kalangan penduduk kampungnya yang bekerja sendiri?

- A 15 %
- B 35 %
- C 40 %
- D 45 %

8 Antara berikut, yang manakah bayaran pindahan?

- I Bonus yang diterima oleh seorang polis.
 - II Derma yang diterima oleh kanak-kanak kurang upaya.
 - III Wang bulanan yang diterima oleh seorang pesara guru.
 - IV Upah yang diterima oleh seorang anak yang membasuh kereta ibunya.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D II, III dan IV



Perniagaan



Gambar 3



BANK JUTA SDN. BHD

*Menyimpan
pendapatannya*

9 Gambar 3 menerangkan perniagaan Encik Lukman dan pendapatannya. Apakah bentuk pendapatan yang diperoleh Encik Lukman?

- A Upah dan sewa
- B Untung dan sewa
- C Faedah dan upah
- D Untung dan faedah

10 Hitungkan pendapatan boleh guna Cik Suraya jika pendapatan tahunannya ialah RM35 000, manakala potongan wajibnya ialah 15% daripada pendapatannya.

- A RM5 250
- B RM29 750
- C RM35 000
- D RM40 250


- 11 Objektif utama yang ingin dicapai oleh setiap isi rumah adalah untuk
- A Meminimumkan perbelanjaan terhadap barang-barang yang tidak penting.
 - B Memaksimumkan sumber pendapatan.
 - C Memaksimumkan pengeluaran
 - D Memaksimumkan kepuasan
- 12 Soalan berikut berdasarkan maklumat di bawah.

Apabila harga barang X naik, kuantiti yang diminta bagi barang Y berkurang.

Barang X dan barang Y adalah...

	Barang X	Barang Y
A	teh	kopi
B	kamera	filem
C	getah asli	getah tiruan
D	baju	seluar

- 13 Rajah yang berikut menunjukkan keluk permintaan untuk suatu barang.




Rajah 1

Pergerakan dari titik A ke titik B mungkin berlaku akibat perubahan dalam

- A Cita rasa
- B Pendapatan
- C Harga barang itu
- D Harga barang pengganti

- 14 Keluk permintaan seseorang pengguna akan beralih ke kanan kerana sebab-sebab berikut, **kecuali**
- A Harga barang itu turun
 - B Harga barang pengganti
 - C Harga barang pengganti meningkat
 - D Pendapatan boleh guna meningkat
- 15 Dalam Rajah 2, W, X dan Y ialah permintaan individu dan Z ialah keluk permintaan pasaran.



Rajah 2

Berapakah kuantiti yang diminta oleh individu Y pada tingkat harga RM9.00?

- A 17 unit
 - B 33 unit
 - C 38 unit
 - D 45 unit
- 16 Apabila harga sekeping cakera padat meningkat daripada RM1.00 ke RM1.20, kuantiti permintaannya berkurangan daripada 200 ke 150 unit. Kirakan keanjalan permintaannya
- A 0.8
 - B 1.25
 - C 1.50
 - D 2.25
- 17 Input-input pengeluaran digunakan oleh firma untuk
- A dibekalkan kepada isi rumah
 - B memperoleh barang dan perkhidmatan
 - C membayar pendapatan kepada individu
 - D Mengeluarkan barang dan perkhidmatan

- 18 Dalam proses pengeluaran, penambahan dalam jumlah keluaran akibat daripada penambahan dalam penggunaan satu unit faktor berubah dikenali sebagai

A kos sut
B kos purata
C keluaran sut
D keluaran purata

Soalan 19 dan 20 berdasarkan Jadual 1 di bawah.

Keluaran (unit)	0	1	2	3	4	5	6
Kos (RM)	19	23	28	39	45	52	65

Jadual 1

- 19 Hitungkan kos tetap bagi keluaran ke-3

A 18
B 19
C 28
D 39

- 20 Berapakah kos berubah bagi keluaran ke-5?

A 9
B 23
C 33
D 54

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
4	10
5	Y

Jadual 2


- 21 Berdasarkan Jadual 2, hitungkan kuantiti Y jika pekali keanjalan penawaran ialah 2

A 12.5
B 15.0
C 19.0
D 20.0

- 22 Manakah antara berikut, menunjukkan syarat-syarat penting bagi kewujudan sebuah pasaran?

I Terdapatnya pengeluar
II Terdapatnya pengguna
III Terdapatnya barangan yang hendak dipasarkan
IV Satu tingkat harga yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak

- A I dan III
 B II dan IV
 C I, II dan III
 D I, II, III dan IV



- 23 Antara berikut jadual yang manakah menunjukkan permintaan Amirul dan Azian bagi buah durian sesuai dengan keluk permintaan pasaran seperti dalam Rajah 3 di atas?

A

Harga (RM)	Individu	
	Amirul	Azian
5	10	10
4	20	20
3	30	30
2	40	40

B

Harga (RM)	Individu	
	Amirul	Azian
5	6	3
4	12	7
3	10	19
2	10	29

C


Harga (RM)	Individu	
	Amirul	Azian
5	10	1
4	10	9
3	25	5
2	30	10

D

Harga (RM)	Individu	
	Amirul	Azian
5	7	3
4	10	10
3	13	17
2	16	24

24 Apakah maksud harga keseimbangan pasaran?

- A Harga pasaran berdasarkan kualiti barangan
- B Harga pasaran berdasarkan kos pengeluaran.
- C Harga pasaran ditentukan oleh permintaan dan penawaran
- D Harga pasaran ditentukan oleh jumlah permintaan masyarakat



Rajah 4

25 Rajah 4 di atas menunjukkan hubungan ekonomi dua sektor. X mewakili

- A ganjaran faktor pengeluaran
- B Permintaan faktor pengeluaran
- C Penawaran faktor pengeluaran
- D Perbelanjaan penggunaan faktor pengeluaran

26 Gambar 4 menunjukkan iklan promosi sebuah syarikat motosikal.



Gambar 4

Fungsi wang dalam iklan di atas adalah sebagai

- A alat ukuran nilai dan bayaran tertunda
- B alat bayaran tertunda dan alat penyimpan nilai
- C alat perantaraan pertukaran dan alat ukuran nilai
- D alat perantaraan pertukaran dan bayaran tertunda

AKAUN Y

Tiada had minimum dan maksimum simpanan
Wang boleh dikeluarkan bila-bila masa
Kadar peratus simpanan agak rendah
Perkhidmatan pengeluaran wang melalui mesin pengeluaran otomatik
disediakan

27 Antara berikut yang manakah benar tentang akaun Y

- A Akaun tetap
- B Akaun semasa
- C Akaun tabungan
- D Akaun semasa dan akaun tabungan

28 Antara pernyataan berikut, yang manakah benar tentang peranan bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan?


- I Menerima pembayaran dan membayar hutang bagi pihak kerajaan
- II Memastikan bank perdagangan mematuhi nisbah rizab berkanun
- III Mengeluarkan mata wang
- IV Menguruskan hutang antara bank

- A I dan III
- B II dan IV
- C I, II dan III
- D I, II, III dan IV

29 Antara tindakan bank pusat berikut, yang manakah bertujuan untuk mengawal inflasi

- I Menaikan kadar faedah
- II Mengetatkan kadar syarat sewa beli
- III Mengeluarkan lebih banyak mata wang
- IV Menaikan kadar rizab tunai dan menurunkan rizab berkanun

- A I dan II
- B II dan IV
- C I, II dan III
- D I, II, III dan IV



30 Gambar 5 menunjukkan Dr. Jazmyra yang berkhidmat di Hospital Pakar Alam Sentosa. Apakah sektor ekonomi yang melibatkan Doktor Jazmyra?

- A Sektor Sekunder
- B Sektor Utama
- C Sektor kedua
- D Sektor ketiga

31 Apakah tujuan kerajaan melaksanakan dasar belanjawan Negara?

- A Menambahkan hasil kerajaan bagi pembangunan negara
- B Mengurangka penganguran melalui projek pembangunan
- C Menstabilkan ekonomi Negara melalui kawalan jumlah penawaran wang
- D Mengimbangkan peruntukan dan pengagihan demi kestabilan dan pertumbuhan ekonomi

32 Antara berikut yang manakah merujuk kepada komponen perbelanjaan mengurus kerajaan?

- I Biasiswa JPA kepada pelajar IPTA
- II Pembayaran gaji guru
- III Bayaran balik pinjaman
- IV Pembinaan perumahan tentera

- A I dan II
- B II dan IV
- C I, II dan III
- D I, II, III dan IV

33 Antara berikut yang manakah merupakan tujuan diadakan sekatan perdagangan antarabangsa?

- I Mengurangkan pengeluaran industri tempatan
- II Mengenakan sekatan ke atas kuantiti yang boleh diimport
- III Mengawal pertukaran wang asing
- IV Mengenakan cukai terhadap barang eksport

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

34 Antara berikut yang manakah pasangan yang benar mengenai imbalan dagangan kurangan.

A	Eksport nampak RM501 bilion	Import nampak RM524 bilion
B	Eksport nampak RM678 bilion	Import nampak RM569 bilion
C	Eksport nampak RM986 bilion	Import nampak RM300 bilion
D	Eksport nampak RM120 bilion	Import nampak RM120 bilion

35 Antara berikut faktor yang manakah mempengaruhi kadar pertukaran asing Malaysia?

- I Jumlah penduduk
- II Jumlah pelancong
- III Perubahan eksport
- IV Perubahan import

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- 36 Dalam pasaran antarabangsa, harga sepasang kasut bernilai US\$30 atau ¥3180. Berapakah kadar pertukaran yang mungkin antara Dolar Amerika dengan Yen Jepun?

- A US\$1 = ¥100
- B US\$1 = ¥106
- C ¥1 = US\$106
- D ¥30 = US\$106

Untuk **soalan 37 hingga 40**, anda dikehendaki memilih jawapan seperti di dalam jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 37 I Pendapatan bolehguna boleh dibelanjakan untuk membeli barang dan perkhidmatan
II Zakat merupakan pelepasan cukai dalam pengiraan cukai pendapatan
- 38 I Upah buruh merupakan kos tetap
II Kos tetap wujud dalam jangka pendek dan jangka panjang
- 39 I Keseimbangan pasaran diperolehi apabila kuantiti permintaan sama dengan kuantiti penawaran pada tingkat harga yang tertentu
II Lebihan permintaan akan mendorong harga turun
- 40 I Kerajaan akan menaikkan cukai untuk mengawal kemelesetan
II Kerajaan akan mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk mengawal inflasi

KERTAS SOALAN TAMAT

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2008
EKONOMI ASAS

EKONOMI ASAS
KERTAS 2

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan satu soalan di **Bahagian B.***
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

Bahagian A

(75 markah)

Jawab tiga soalan sahaja

- 1 (a) Gambar 1 menunjukkan perbualan antara tiga orang .




Gambar 1


Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit- unit ekonomi di atas.

[10 markah]

- (b) Gambar 2 dan gambar 3 menunjukkan dua jenis barang.



Gambar 2



Gambar 3

Gambar 2 dan 3 menunjukkan dua sumber cahaya.

Jelaskan perbezaan ke dua-dua barang di atas mengikut konsep ekonomi.

[6 markah]

- (c) Huraikan bagaimana Negara Malaysia menyelesaikan masalah asas ekonominya.

[9 markah]

2. (a) Terangkan jenis-jenis pendapatan individu. [8 markah]

(b) Encik Kamal seorang kakitangan swasta. Beliau mempunyai seorang isteri yang tidak bekerja dan tiga orang anak yang belum bersekolah.

Berikut merupakan maklumat kewangan Encik Kamal setiap bulan dalam tahun 2007.

Pendapatan.	RM
Gaji	2 800
Elaun	350
Sewa diterima	300
Potongan wajib dan perbelanjaan	
Bayaran zakat	30
Caruman KWSP	225
Ansuran kereta	500
Premium insurans nyawa	200

Pelepasan cukai

	RM
Diri sendiri	8 000
Isteri	3 000
Anak (seorang)	1 000
Caruman KWSP dan premium insurans nyawa (maksimum)	5 000

Kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan		
RM 2 500 pertama	=	0%
RM 2 500 berikut	=	1%
RM 5 000 berikut	=	3%
RM 10 000 berikut	=	4%
RM 15 000 berikut	=	5%

Hitungkan jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Kamal bagi tahun 2007 [8 markah]

(c) Baca perbualan di bawah dengan teliti.

Ibu :	Macam mana la nak berjimat, harga barang semakin mahal sedangkan gaji ayah kamu masih macam tu jugak.
Anak :	Mengapa ibu mengeluh...?
Ibu :	Iye la..hampir sebahagian besar gaji ayah kamu digunakan untuk membeli makanan . Bila agaknya ibu dapat beli gelang emas ..

Jelaskan perbezaan kedua-dua jenis barang di atas.

[4 markah]

(d) Jadual 1 di bawah menunjukkan penawaran kereta pada bulan Disember 2004 dan Februari 2005

Bulan	Penawaran (unit)
Disember 2005	25 000
Februari 2006	55 000

Jadual 1

Terangkan **tiga** faktor yang menyebabkan perubahan kuantiti tersebut.

[5 markah]

3. (a)

Input berubah	Input tetap	Jumlah keluaran	Keluaran purata	Keluaran sut
0	2	0	-	-
1	2	50	50	50
2	2	130	65	80
3	2	200	66.7	70
4	2	260	65	60
5	2	290	58	30
6	2	296	49.3	6
7	2	296	42.3	0
8	2	280	35	-16

Jadual 2

Berdasarkan jadual 2 terangkan hubungan antara jumlah keluaran, keluaran purata dan keluaran sut.

[6 markah]

- (b) Jadual 3 di bawah menunjukkan permintaan durian pada pelbagai tingkat harga.

Harga(RM)	Kuantiti diminta (kg)	
	Adam	Rosma
2	4	6
4	3	4
6	2	2

Jadual 3

- (i) Hitungkan penawaran pasaran pada tiap-tiap harga yang dinyatakan. [2 markah]
- (ii) Lukiskan dan terangkan pembentukan keluk permintaan pasaran bagi buah durian. [8 markah]
- (c) Jelaskan kesan setiap tindakan berikut ke atas pasaran ikan tempatan. Setiap peristiwa adalah berasingan.
- (i) Tsunami telah melanda kawasan perairan pantai timur. [3 markah]
- (ii) Teknik canggih penangkapan ikan telah ditemui. [3 markah]
- (iii) Sejenis virus merbahaya menyerang ternakan ayam. [3 markah]

4. (a) Bezakan kebaikan sistem wang berbanding sistem barter. [8 markah]



Gambar 4

- (b) Berdasarkan perbualan di atas, terangkan masalah lain yang akan dihadapi oleh negara jika hanya bergantung kepada sektor utama. [8 markah]
- (c) Bezakan cukai langsung dan cukai tak langsung [5 markah]

(d) Huraikan prinsip-prinsip Skim Perbankan Islam yang berikut:

- | | | |
|------|----------------|--------------|
| (i) | Mudharabah | [2 markah] |
| (ii) | Bai At Takjiri | [2 markah] |

5. (a) Jadual 4 menunjukkan perbelanjaan yang dilakukan oleh kerajaan.

Jenis perbelanjaan	Jumlah (RM juta)
Emolumen	20 750
Perkhidmatan keselamatan	3 000
Bekalan dan perkhidmatan	12 200
Perkhidmatan sosial	16 550
Serahan kepada kerajaan negeri	2 020

Jadual 4

Hitungkan perbelanjaan mengurus. [4 markah]

(b) Gambar 5 menunjukkan perbualan antara dua orang sahabat.



Gambar 5

Bezakan kedua-dua jenis perniagaan di atas. [10 markah]

(c) Nyatakan butiran akaun semasa. [4 markah]

(d) Pernyataan di bawah menunjukkan aktiviti yang dilakukan oleh kerajaan.

Menjual sijil pelaburan
Membuat pinjaman projek
Membuat pinjaman pasaran
Menjual surat jaminan kerajaan

Jelaskan tujuan kerajaan menjalankan aktiviti di atas. [7 markah]

Bahagian B

[25 markah]

*Soalan ini **wajib** dijawab.*

6. Encik Azam tinggal di Negara yang tiada campurtangan kerajaan. Rakyat hidup selesa kerana barang yang dikeluarkan dalam ekonomi ini adalah mengikut kehendak rakyat. Firma bebas mengeluarkan barang dan mengaut keuntungan. Oleh itu firma wujud bagai cendawan tumbuh selepas hujan.

Sebagai seorang yang berminat dengan dunia perniagaan, Encik Azam membuka sebuah syarikat yang mengeluarkan jus kurma. Pada peringkat permulaan Encik Azam membeli sebuah bangunan kecil yang dijadikan kilang dan mengupah empat orang pekerja. Di samping itu beliau merancang langkah-langkah lain bagi menambahkan pendapatan syarikatnya.

Setelah dua tahun beroperasi, Syarikat Encik Azam berjaya mencatat keuntungan yang besar. Encik Azam bercadang menyimpan sejumlah RM30 000 di bank selama dua tahun dan memperoleh faedah yang maksimum. Untuk itu beliau meneliti dua jenis deposit yang ditawarkan oleh Bank Indah Berhad.

DEPOSIT TABUNGAN Kadar faedah 4%setahun

DEPOSIT TETAP Kadar faedah 5% untuk 3 hingga 12 bulan 7% untuk 13-24 bulan

Setelah puas berfikir, Encik Azam membuat keputusan untuk menyimpan di dalam deposit tabungan.

Bagi mengekalkan prestasi syarikat, Encik Azam berusaha mencari kurma berkualiti tinggi tetapi mempunyai harga yang murah. Seorang kenalan menawarkan kurma sedemikian dari Qatar dan beliau meminta Encik Azam membuat tempahan dan bayaran mengikut Riyal Qatar dengan segera. Encik Azam bersetuju. Bagaimana pun hasrat beliau tidak kesampaian kerana Riyal Qatar yang terdapat di dalam negaranya pada masa itu tidak mencukupi. Lagi pun negaranya mengenakan tarif yang tinggi terhadap kurma yang diimport tersebut.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan –soalan berikut:

- (a) Huraikan ciri-ciri sistem ekonomi yang diamalkan di Negara Encik Azam.
[6 markah]
- b) Jelaskan langkah – langkah lain yang boleh dilakukan oleh Encik Azam bagi menambahkan pendapatan.
[6 markah]
- c) Adakah anda bersetuju dengan deposit pilihan Encik Azam?Jelaskan.
[4 markah]
- d) Selain dari tujuan di atas, huraikan kepentingan lain Negara Encik Azam perlu menyediakan Riyal Qatar.
[6 markah]
- e) Huraikan tujuan Negara Encik Azam mengenakan tindakan tersebut terhadap kurma yang diimport dari Qatar.
[3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN NEGERI PAHANG 2007
SKEMA JAWAPAN
KERTAS 1

1	C	21	B
2	D	22	D
3	D	23	D
4	D	24	C
5	A	25	C
6	A	26	A
7	B	27	C
8	B	28	A
9	D	29	A
10	B	30	D
11	D	31	D
12	B	32	C
13	C	33	C
14	A	34	A
15	B	35	D
16	B	36	B
17	D	37	D
18	C	38	C
19	B	39	A
20	C	40	B

SULIT
3757 / 2
Ekonomi
Asas
Kertas 2
Sept 2008

3757/2

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2008
EKONOMI ASAS

EKONOMI ASAS
KERTAS 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 11 halaman bercetak
3757/2(PP)

SULIT

Pahang Trial SPM 2008
<http://edu.joshuatly.com/>
<http://www.joshuatly.com/>

PERATURAN PEMARKAHAN

Soalan	Butiran	Markah										
1 (a)	F1 Individu	1										
	H1a Kekurangan pendapatan/gaji RM800	1										
	H1b Pilihan barang untuk memaksimumkan kepuasan	1										
	H1c Kos lepas ialah barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan	1										
	F2 Firma	1										
	H2a Kekurangan sumber ekonomi / faktor pengeluaran	1										
	H2b Pilihan untuk memaksimumkan untung	1										
	H2c Kos lepas ialah output kedua terbaik yang tidak dapat dikeluarkan	1										
	F3 Kerajaan	1										
	H3a Kekurangan sumber hasil	1										
	H3b Pilihan untuk memaksimumkan kebajikan	1										
	H3c Kos lepas ialah projek terbaik yang terpaksa dilepaskan	1										
	1(b)		[Maks 10 m]									
		<table><tr><th>Cahaya matahari</th><th>Lampu jalan</th></tr><tr><td>1. Barang percuma [1m]</td><td>1. Barang awam [1m]</td></tr><tr><td>2. Penawaran tidak terhad [1m]</td><td>2. Penawaran terhad [1m]</td></tr><tr><td>3. Anugerah alam/Allah [1m]</td><td>3. Dikeluarkan oleh kerajaan [1m]</td></tr><tr><td>4. Tiada kos lepas [1m]</td><td>4. Ada kos lepas [1m]</td></tr></table>	Cahaya matahari	Lampu jalan	1. Barang percuma [1m]	1. Barang awam [1m]	2. Penawaran tidak terhad [1m]	2. Penawaran terhad [1m]	3. Anugerah alam/Allah [1m]	3. Dikeluarkan oleh kerajaan [1m]	4. Tiada kos lepas [1m]	4. Ada kos lepas [1m]
Cahaya matahari		Lampu jalan										
1. Barang percuma [1m]		1. Barang awam [1m]										
2. Penawaran tidak terhad [1m]		2. Penawaran terhad [1m]										
3. Anugerah alam/Allah [1m]		3. Dikeluarkan oleh kerajaan [1m]										
4. Tiada kos lepas [1m]		4. Ada kos lepas [1m]										
	2											
	2											
	2											
	2											
	[Maks 6m]											
1(c)	Malaysia mengamalkan sistem ekonomi campuran	1										
	F1 Apakah barang hendak dikeluarkan	1										
	H1a Swasta keluarkan mengikut permintaan pasaran	1										
	H1b Kerajaan mengeluarkan barang awam	1										
	F2 Berapa hendak dikeluarkan	1										
	H2a Swasta keluarkan ikut mekanisme harga	1										
	H2b Kerajaan mengawal kuantiti melalui cukai dan subsidi	1										
	F3 Bagaimana hendak dikeluarkan	1										
	H3a Swasta guna kaedah cekap	1										
	H3b Kerajaan mementingkan kebajikan rakyat	1										
	F4 Untuk siapa dikeluarkan	1										
	H4a Swasta keluarkan untuk pengguna yang ada kuasabeli	1										
	H4b Kerajaan keluarkan untuk semua rakyat	1										
		[Maks 9m]										

Soalan	Butiran			Markah	
2(a)	Jenis – jenis pendapatan individu:				
	F1	Upah		1	
	H1	Ganjaran kepada buruh / kerana menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran		1	
	F2	Sewa		1	
	H2	Ganjaran kepada faktor tanah / kerana membenarkan tanah milik sendiri digunakan oleh orang lain.		1	
	F3	Untung		1	
	H3	Ganjaran kepada faktor usahawan / kerana menggabungkan faktor-faktor pengeluaran		1	
	F4	Faedah		1	
	H4	Ganjaran kepada modal / kerana kesanggupan menangguhkan perbelanjaan pada masa kini		1	
	F5	Bayaran pindahan		1	
	H5	Contoh/ definisi		1	
				[Maks 8m]	
2 (b)	Butiran		RM	RM	
	<u>Pendapatan</u>				
	Gaji (RM2 800 X 12)		33 600		½
	Elaun (RM350 X 12)		4 200		½
	Sewa (RM300 X 12)		3 600		½
	Jumlah pendapatan			41 400	1
	<u>Tolak : pelepasan</u>				
	Diri		8 000		½
	Isteri		3 000		½
	Anak		3 000		½
	KWSP & insurans nyawa(max)		5 000		½
	Jumlah pelepasan			19 000	1
	Pendapatan bercukai			22 400	1

Soalan	Butiran	Markah												
	<u>Cukai pendapatan</u> RM 2500 pertama RM 0 RM 2500 berikut RM 25 RM 5000 berikut RM 150 RM 10000 berikut RM 400 RM 2400 berikut RM 120 Jumlah cukai RM 695 Cukai dibayar = jumlah cukai – zakat = RM 695 – RM 360 = RM 335	$\frac{1}{2}$ $\frac{1}{2}$ $\frac{1}{2}$ $\frac{1}{2}$ $\frac{1}{2}$ 1 1 1 [Maks 8m]												
2(c)	<table><tr><th>Makanan</th><th>Gelang emas</th></tr><tr><td>1. Keperluan</td><td>1. Kehendak</td></tr><tr><td>2. Terhad dan mudah dipenuhi</td><td>2. Banyak dan sukar dipenuhi</td></tr><tr><td>3. Perlu untuk terus hidup</td><td>3. Untuk keselesaan</td></tr><tr><td>4. Mesti dipenuhi dahulu</td><td>4. Boleh ditangguhkan</td></tr><tr><td>5. Tidak dipengaruhi oleh pendapatan</td><td>5. Dipengaruhi oleh pendapatan</td></tr></table> Nota : pilih mana-mana 2 perbezaan	Makanan	Gelang emas	1. Keperluan	1. Kehendak	2. Terhad dan mudah dipenuhi	2. Banyak dan sukar dipenuhi	3. Perlu untuk terus hidup	3. Untuk keselesaan	4. Mesti dipenuhi dahulu	4. Boleh ditangguhkan	5. Tidak dipengaruhi oleh pendapatan	5. Dipengaruhi oleh pendapatan	2 2 2 2 2 [4 m]
Makanan	Gelang emas													
1. Keperluan	1. Kehendak													
2. Terhad dan mudah dipenuhi	2. Banyak dan sukar dipenuhi													
3. Perlu untuk terus hidup	3. Untuk keselesaan													
4. Mesti dipenuhi dahulu	4. Boleh ditangguhkan													
5. Tidak dipengaruhi oleh pendapatan	5. Dipengaruhi oleh pendapatan													
2(d)	Faktor penentu penawaran kereta: F1 Harga barang itu sendiri H1 Harga kereta mahal, penawaran meningkat F2 Harga faktor pengeluaran H2 Upah buruh murah,kos pengeluaran turun, penawaran bertambah F3 Tingkat teknologi H3 Penggunaan teknologi canggih, penawaran bertambah F4 Jangkaan harga pada masa depan H4 Jika firma jangka harga kereta akan naik pada masa hadapan, penawaran pada masa kini bertambah	1 1 1 1 1 1 1 1												

Soalan	Butiran	Markah								
2(d)	F5 Matlamat pengeluar	1								
	H5 Firma ingin maksimum jualan, penawaran bertambah	1								
	F6 Dasar kerajaan	1								
	H6 Kerajaan beri subsidi pada pengeluar kereta, penawaran kereta bertambah	1								
	Nota : pilih mana-mana tiga fakta	[Maks 5m]								
3(a)	<u>Input berubah 0-2</u>									
	Jumlah keluaran meningkat	1								
	Keluaran purata meningkat	1								
	Keluaran sut meningkat /capai maksimum pada input berubah ke 2	1								
		[Maks 2m]								
	<u>Input berubah 3</u>									
	Jumlah keluaran meningkat	1								
	Keluaran purata capai maksimum pada input berubah ke 3	1								
	Keluaran sut turun	1								
		[Maks 2m]								
	<u>Input berubah 4-7</u>									
	Jumlah keluaran meningkat dan mencapai maksimum pada input berubah ke 6	1								
	Keluaran purata menurun	1								
	Keluaran sut menurun dan menjadi sifar pada input berubah ke 7	1								
		[Maks 2m]								
	<u>Input berubah ke 8</u>									
	Jumlah keluaran menurun	1								
	Keluaran purata menurun	1								
	Keluaran sut menjadi negatif	1								
	[Maks 2m]									
	[Maks 6 m]									
3(b) (i)	<table><tr><th>Harga (RM)</th><th>Permintaan pasaran(kg)</th></tr><tr><td>2</td><td>10</td></tr><tr><td>4</td><td>7</td></tr><tr><td>6</td><td>4</td></tr></table>	Harga (RM)	Permintaan pasaran(kg)	2	10	4	7	6	4	1
	Harga (RM)	Permintaan pasaran(kg)								
	2	10								
	4	7								
	6	4								
	1									
	1									
	[Maks 2m]									
(ii)	Rujuk lampiran									

Soalan	Butiran	Markah										
3 (c) i	Penawaran ikan berkurangan Permintaan ikan tetap Berlaku lebihan permintaan Harga ikan akan naik	1 1 1 [3 m]										
	ii Penawaran ikan bertambah Permintaan ikan tetap Berlaku lebihan penawaran Harga ikan akan turun	1 1 1 [3m]										
	iii Penawaran ikan tetap Permintaan ikan bertambah Berlaku lebihan permintaan Harga akan naik	1 1 1 [3m]										
4 (a)	Kebaikan sistem wang berbanding sistem barter											
	<table><tr><th>Sistem wang</th><th>Sistem barter</th></tr><tr><td>1.Menyelesaikan masalah kehendak serentak</td><td>1.Pertukaran memerlukan kehendak serentak</td></tr><tr><td>2. Nilai barang diukur dengan tepat /ukuran seragam</td><td>2. Nilai barang sukar diukur kerana nilainya dalam kuantiti barang lain</td></tr><tr><td>3. Ciri tahan lama dan stabil mengekalkan nilai dalam masa hadapan</td><td>3. Barang mudah rosak,tidak boleh jadi penyimpan nilai</td></tr><tr><td>4. Nilai yang stabil membolehkan bayaran secara ansuran</td><td>4. Barangan tanpa nilai stabil menyukarkan bayaran tertunda kerana nilai pembayaran masa hadapan mungkin berbeza dengan nilai yang dipersetujui</td></tr></table>	Sistem wang	Sistem barter	1.Menyelesaikan masalah kehendak serentak	1.Pertukaran memerlukan kehendak serentak	2. Nilai barang diukur dengan tepat /ukuran seragam	2. Nilai barang sukar diukur kerana nilainya dalam kuantiti barang lain	3. Ciri tahan lama dan stabil mengekalkan nilai dalam masa hadapan	3. Barang mudah rosak,tidak boleh jadi penyimpan nilai	4. Nilai yang stabil membolehkan bayaran secara ansuran	4. Barangan tanpa nilai stabil menyukarkan bayaran tertunda kerana nilai pembayaran masa hadapan mungkin berbeza dengan nilai yang dipersetujui	2 2 2 2 [8m]
	Sistem wang	Sistem barter										
	1.Menyelesaikan masalah kehendak serentak	1.Pertukaran memerlukan kehendak serentak										
	2. Nilai barang diukur dengan tepat /ukuran seragam	2. Nilai barang sukar diukur kerana nilainya dalam kuantiti barang lain										
	3. Ciri tahan lama dan stabil mengekalkan nilai dalam masa hadapan	3. Barang mudah rosak,tidak boleh jadi penyimpan nilai										
4. Nilai yang stabil membolehkan bayaran secara ansuran	4. Barangan tanpa nilai stabil menyukarkan bayaran tertunda kerana nilai pembayaran masa hadapan mungkin berbeza dengan nilai yang dipersetujui											


Soalan	Butiran	RM								
4 (b)	Masalah pergantungan kepada sektor utama: F1 Ketidakstabilan harga komoditi H1 Harga komoditi utama terdedah kepada ketidakstabilan harga di pasaran dunia F2 Peluang pekerjaan terjejas H2 Harga komoditi sektor utama cenderung jatuh,oleh itu ramai pekerja diberhentikan F3 Kehausan dan kepupusan sumber H4 Sumber seperti bijih timah pupus dan tidak boleh diperbaharui F4 Merugikan imbalan dagangan H4 Negara terpaksa mengimport barang sektor kedua yang mahal harganya dari luar sedangkan Negara menjual komoditi utama pada harga yang rendah.	1 1 1 1 1 1 1 [8m]								
4 (c)	<table><tr><th>Cukai langsung</th><th>Cukai tak langsung</th></tr><tr><td>1. Beban tidak boleh dipindahkan kepada orang lain</td><td>1.Beban boleh dipindahkan kepada orang lain</td></tr><tr><td>2. Bersifat progresif</td><td>2. Bersifat ad valorem dan spesifik</td></tr><tr><td>3. Contoh</td><td>3. Contoh</td></tr></table>	Cukai langsung	Cukai tak langsung	1. Beban tidak boleh dipindahkan kepada orang lain	1.Beban boleh dipindahkan kepada orang lain	2. Bersifat progresif	2. Bersifat ad valorem dan spesifik	3. Contoh	3. Contoh	2 2 2 [Maks 5m]
Cukai langsung	Cukai tak langsung									
1. Beban tidak boleh dipindahkan kepada orang lain	1.Beban boleh dipindahkan kepada orang lain									
2. Bersifat progresif	2. Bersifat ad valorem dan spesifik									
3. Contoh	3. Contoh									
4(d) (i)	F1 Perkongsian untung F2 Kerugian ditanggung oleh pemilik modal	1 1 [2m]								
(ii)	F1 Sewabeli F2 Harta yang disewa akan menjadi milik pelanggan setelah semua pembayaran dijelaskan.	1 1 [2m]								

Soalan	Butiran	RM														
5 (a)	Perbelanjaan mengurus: = Emolumen + Bekalan dan perkhidmatan + Serahan kepada kerajaan negeri = RM 20 750 juta + RM 12 200 juta + RM 2 020 juta = RM 34 970 juta	3 1 [4m]														
5 (b)	<table><tr><th>Perdagangan Antarabangsa</th><th>Perniagaan Dalam Negeri</th></tr><tr><td>Menggunakan mata wang yang berbeza. cth. perdagangan Malaysia dan Jepun melibatkan Yen dan RM.</td><td>Penggunaan mata wang sama. cth. Perdagangan antara rakyat Malaysia hanya menggunakan RM sahaja.</td></tr><tr><td>Banyak dokumen contoh bil muatan dan bil udara</td><td>sedikit dokumen</td></tr><tr><td>Aktiviti perniagaan melepasi sempadan negara</td><td>Terbatas dalam sempadan negeri sahaja</td></tr><tr><td>Terdapat banyak sekatan cth. Kuota,tarif</td><td>Tidak ada sekatan</td></tr><tr><td>Melibatkan penggunaan banyak bahasa.</td><td>Menggunakan bahasa yang sama - bahasa rasmi negara</td></tr><tr><td>Menggunakan sukatan dan timbangan yang berbeza.Cth: UK guna sistem imperial</td><td>Sistem yang sama dan seragam. Cth Malaysia menggunakan sistem metrik</td></tr></table> Nota: Pilih mana-mana lima perbezaan	Perdagangan Antarabangsa	Perniagaan Dalam Negeri	Menggunakan mata wang yang berbeza. cth. perdagangan Malaysia dan Jepun melibatkan Yen dan RM.	Penggunaan mata wang sama. cth. Perdagangan antara rakyat Malaysia hanya menggunakan RM sahaja.	Banyak dokumen contoh bil muatan dan bil udara	sedikit dokumen	Aktiviti perniagaan melepasi sempadan negara	Terbatas dalam sempadan negeri sahaja	Terdapat banyak sekatan cth. Kuota,tarif	Tidak ada sekatan	Melibatkan penggunaan banyak bahasa.	Menggunakan bahasa yang sama - bahasa rasmi negara	Menggunakan sukatan dan timbangan yang berbeza.Cth: UK guna sistem imperial	Sistem yang sama dan seragam. Cth Malaysia menggunakan sistem metrik	2 2 2 2 2 2 2 [10 m]
Perdagangan Antarabangsa	Perniagaan Dalam Negeri															
Menggunakan mata wang yang berbeza. cth. perdagangan Malaysia dan Jepun melibatkan Yen dan RM.	Penggunaan mata wang sama. cth. Perdagangan antara rakyat Malaysia hanya menggunakan RM sahaja.															
Banyak dokumen contoh bil muatan dan bil udara	sedikit dokumen															
Aktiviti perniagaan melepasi sempadan negara	Terbatas dalam sempadan negeri sahaja															
Terdapat banyak sekatan cth. Kuota,tarif	Tidak ada sekatan															
Melibatkan penggunaan banyak bahasa.	Menggunakan bahasa yang sama - bahasa rasmi negara															
Menggunakan sukatan dan timbangan yang berbeza.Cth: UK guna sistem imperial	Sistem yang sama dan seragam. Cth Malaysia menggunakan sistem metrik															
5 (c)	Butiran akaun semasa : F1 Pindahan semasa bersih F2 Imbangan akaun perkhidmatan F3 Imbangan akaun pendapatan F4 Imbangan akaun dagangan	1 1 1 1 [4 markah]														

Soalan	Butiran	Markah
5 (d)	Tujuan kerajaan meminjam : F1 Menampung kekurangan hasil negara H1 Apabila jumlah perbelanjaan negara melebihi jumlah hasil negara F2 Membiayai perbelanjaan pembangunan ekonomi negara H2 Contoh: pembukaan tanah baru F3 Pengagihan pendapatan melalui projek pembangunan H3 Digunakan bagi merapatkan jurang pendapatan antara penduduk bandar dan desa dengan cara meningkatkan taraf hidup mereka. F4 Membiayai kelewatan kutipan hasil cukai H4 Untuk menampung perbelanjaan mengurus	1 1 1 1 1 1 1 1 [Maks 7m]
6 (a)	Sistem Ekonomi Kapitalis F1 Pemilikan Sumber H1 Sumber dimiliki oleh individu dan swasta F2 Pembuat keputusan ekonomi H2 Keputusan ekonomi dibuat oleh individu dan swasta F3 Pilihan H3 Pengguna banyak pilihan F4 Penentuan harga H4 Harga ditentukan oleh mekanisme harga F5 Persaingan H5 Wujud persaingan antara firma dengan firma F6 Motif H6 Swasta ingin memaksimumkan untung Nota : Pilih mana-mana tiga fakta	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Maks 6m]

Soalan	Butiran	Markah
6 (b)	F1 Pembelian barang modal/mesin/jentera H1 Keluaran dapat ditingkatkan F2 Pembelian stok/bahan mentah H2 Dapat menambahkan keluaran dengan segera F3 Melatih sumber manusia H3 Pekerja jadi cekap maka pengeluaran bertambah	1 1 1 1 1 1 [6 m]
6 (c)	F1 Tidak setuju F2 Pulangan deposit tetap lebih tinggi F2a <u>Kadar faedah deposit tabungan</u> $RM\ 30\ 000 \times 4\% \times 2 = RM\ 2\ 400$ F2b <u>Kadar faedah deposit tetap</u> $RM\ 30\ 000 \times 7\% \times 2 = RM\ 4\ 200$	1 1 1 1 [4 m]
6 (d)	Kepentingan pertukaran asing: F1 Membuat pelaburan di luar Negara H1 Cth: pelabur Malaysia memerlukan F2 Membayar hutang Negara H2 Pembayaran balik hutang mesti dalam matawang Negara tersebut F3 Mempertahankan nilai matawang sesebuah Negara H3 Cth: Jika nilai ringgit Malaysia jatuh, bank pusat membeli ringgit Malaysia dengan menggunakan pertukaran asing	1 1 1 1 1 1 [6 m]
6 (e)	Tujuan sekatan: F1 Melindungi industri muda H1 Membolehkan keluaran industri muda bersaing dengan barang import. F2 Sumber hasil kerajaan H2 Tarif merupakan hasil kerajaan F3 Menentang dasar lambakan H3 Menghalang barang import menguasai pasaran F4 Membaiki imbalan dagangan H4 Pengurangan import dapat membaiki imbalan dagangan Nota : terima mana-mana dua fakta	1 1 1 1 1 1 1 1 [Maks 3m]

LAMPIRAN



Pada tingkat harga RM2, dd Adam 4 unit dan dd Rosma 6 unit. DD pasaran ialah 10 unit. Ini ditunjukkan oleh titik A [1m]

Pada tingkat harga RM4, dd Adam 3 unit dan dd Rosma 3 unit. DD pasaran ialah 7 unit. Ini ditunjukkan oleh titik B [1m]

Pada tingkat harga RM6, dd Adam 2 unit dan dd Rosma 2 unit. DD pasaran ialah 4 unit. Ini ditunjukkan oleh titik C [1m]

Keluk permintaan pasaran diperolehi dengan menyambungkan titik-titik A, B dan C. [1 m]

Keluk dd pasaran mencerun ke bawah dari kiri ke kanan. / hukum dd [1 m]

Nota :

Keluk dd Adam 1m

Keluk dd Rosma 1m

Keluk dd pasaran 1m

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT